

**Pengguna PLUSMiles, Touch 'n' Go Nikmati Rebat Tol Semasa Aidilfitri  
Bernama  
22 Ogos 2011**

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Pengguna Lebuh raya Utara-Selatan (PLUS) akan menikmati rebat tol sehingga 20 peratus apabila membayar tol menggunakan sistem elektronik pada hari tertentu semasa cuti Aidilfitri kelak.

Pengarah Urusan PLUS Datuk Noorizah Abd Hamid berkata rebat tol itu akan diberikan kepada pengguna kad PLUSMiles dan 'Touch n Go' ketika membayar tol di lebuhraya kendalian PLUS.

"Pengguna yang membayar tol secara elektronik pada Khamis dan Jumaat ini akan menerima rebat tol sebanyak 20 peratus manakala pengguna yang membayar tol dengan sistem sama pada 30 dan 31 Ogos akan menerima rebat sebanyak 10 peratus.

"Pada 1 dan 2 Sept pula, orang ramai yang membayar menggunakan sistem elektronik iaitu kad PLUSMiles dan 'Touch n Go' pula akan menerima rebat sebanyak 20 peratus," katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Beliau berkata rebat itu boleh dituntut di pusat khidmat pelanggan PLUS apabila pengguna menambah nilai kad PLUSMiles dan Touch N Go mereka bermula 15 Okt hingga 31 Dis ini.

"Tuntutan rebat tol selepas tempoh tersebut tidak akan diterima," katanya.

Noorizah berkata langkah itu bertujuan menyemarakkan lagi sambutan Hari Raya selain menggalakkan orang ramai menggunakan sistem pembayaran elektronik yang mudah dan pantas.

"Langkah itu juga diambil untuk membolehkan orang ramai merancang perjalanan dan menggalakkan mereka bergerak di luar waktu puncak kerana rebat diberikan sepanjang hari," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan rebat itu tidak diberikan kepada pengguna yang membayar tol di Plaza Tol Tanjung Kupang, Bukit Kayu Hitam dan Bangunan Sultan Iskandar.

Selain itu, PLUS menjangka jumlah trafik meningkat sebanyak 30 peratus kepada 1.4 juta kenderaan setiap hari pada musim cuti yang akan datang, katanya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=609541>